

Aktiviti sukan lasak di Klana Resort

Pakej istimewa dengan pelbagai kemudahan disediakan sesuai untuk diadakan *team building*

■ SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN – Bagi mereka yang sedang merancang untuk mengadakan aktiviti luar atau *team building* tidak perlu bersusah payah mencari tempat yang jauh kerana di Klana Resort Seremban kemudahan itu ada ditawarkan.

Pelbagai aktiviti lasak disediakan, antaranya Rappelling, High Ropes, Flying Fox, Low Ropes, Spider Web, Minefield, Dynamic Obstacles, 12" Foot-Wall, Treasure Hunt, Night Line, Dragon Ball, Water Rafting, Amazing Race dan Tele matches.

Walaupun terletak di tengah bandar Seremban, namun kemudahan yang disediakan sangat menarik, selain mempunyai kawasan luas, sesuai untuk melakukan aktiviti berkumpulan.

Menurut Pengurus Besar Klana Resort Seremban, Mohd Yazid Mustafa, kemudahan sediakan itu adalah yang pertama ada di Negeri Sembilan.

Beliau berkata, hanya di Klana Resort Seremban sahaja, pengunjung dapat melakukan pelbagai aktiviti la-



Aktiviti sukan air juga ada disediakan di Klana Resort Seremban.

sak, selain menginap di bilik dengan penuh selesa.

"Di Klana Resort Seremban ini, kita menyediakan pelbagai pakej mengikut cita rasa pengunjung, ada yang mahu pakej penginapan beserta *team building* dan ada juga yang hanya mahu menjalankan aktiviti luar sahaja tanpa menginap.

"Bagi mereka yang ingin melakukan *team building* dan sukan lasak, kita mempunyai 15 fasilitator yang akan

membantu dalam melakukan aktiviti lasak seperti Rappelling, High Ropes, Flying Fox dan foot wall.

"Kesemua fasilitator kita terlatih, dan mempunyai kepakaran keselamatan yang tinggi dalam memastikan setiap peserta berada dalam keadaan terjaga malah mengenai soal keselamatan, peserta tidak perlu bimbang kerana kita ada jurulatih yang terbaik," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, minimum kumpulan



Pelbagai aktiviti lasak yang terdapat di Klana Resort Seremban.

yang diterima adalah 10 orang dan pihak resort sentiasa mengalu-alukan pihak luar untuk menjalankan *team building* bersama Klana Resort Seremban, bagi merasai sendiri pengalaman dan perbezaan dengan tempat lain.

Selain itu, bagi mereka yang gemarkan sukan air, Klana Resort Seremban juga ada menyediakan aktiviti berkayak.

Katanya, kolam renang yang besar dan luas di Klana Resort Seremban ini,

membolehkan aktiviti berkayak dapat dilakukan dengan mudah.

"Berkayak tidak semestinya di sungai, tasik atau laut tetapi dengan kemudahan kolam renang kita yang besar dan luas, aktiviti ini dapat dilakukan dengan selesa," katanya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh layari di laman web www.klanaresort.com.my, atau hubungi di talian 06-7667888 sambungan 3241.